

## *Keahlian Jiran Muda*

Keahlian adalah terbuka kepada remaja berumur 13 hingga 21 tahun yang bermastautin dalam Kawasan Rukun Tetangga.

Jawatankuasa Jiran Muda yang mewakili seluruh remaja di Kawasan Rukun Tetangga adalah mengikut kriteria-kriteria berikut :-

- i. Berumur di antara 13 hingga 21 tahun
- ii. Bermastautin di Kawasan Rukun Tetangga berkenaan
- iii. Mencerminkan komposisi keturunan penduduk dalam Kawasan Rukun Tetangga
- iv. Mempunyai sikap keperibadian seperti jujur dan tidak mementingkan diri sendiri


Ahli Jawatankuasa Kecil Jiran Muda hendaklah terdiri daripada 12 hingga 15 orang Jiran Muda seperti berikut :-

- i. Seorang Pengerusi
- ii. Seorang Timbalan Pengerusi (jika difikirkan perlu)
- iii. Seorang Setiausaha
- iv. Seorang Penolong Setiausaha
- v. Seorang Bendahari dan
- vi. Ahli-ahli Jawatankuasa di antara 7 hingga 9 orang

## *Peranan Jiran Muda*

Peranan Jiran Muda adalah seperti berikut :-

- i. Merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berfaedah dan membangunkan Jiran Muda dalam Kawasan Rukun Tetangga di samping mewujudkan peluang berinteraksi dan berkenal-kenalan di antara mereka.
- ii. Membantu Jawatankuasa Rukun Tetangga melaksanakan aktiviti-aktiviti kejrangan untuk memastikan semangat kejrangan di kalangan penduduk tempatan tidak terjejas.
- iii. Mengadakan projek mengukuhkan dana Rukun Tetangga untuk membiayai aktiviti-aktiviti Jiran Muda.
- iv. Menghindarkan Jiran Muda dari anasir-anasir yang tidak diingini dan mencegah mereka daripada gejala-gejala sosial.
- v. Membantu menyebarkan dasar-dasar kerajaan kepada penduduk tempatan.



# JIRAN

## *Jawatankuasa*

Jiran Wanita secara hakiki adalah satu Jawatankuasa Kecil di bawah naungan Jawatankuasa Rukun Tetangga Kawasan. Ahli-ahli Jawatankuasa Jiran wanita akan ditentukan dalam mesyuarat Jawatankuasa Rukun Tetangga Kawasan.

Ahli-ahli Jawatankuasa Jiran Wanita hendaklah terdiri daripada 12 hingga 15 orang wanita seperti berikut :-

- i. Seorang Pengerusi
- ii. Seorang Timbalan Pengerusi (jika difikirkan perlu)
- iii. Seorang Setiausaha
- iv. Seorang Penolong Setiausaha (jika difikirkan perlu)
- v. Seorang Bendahari dan
- vi. Ahli-ahli Jawatankuasa di antara 7 hingga 9 orang

## *Peranan Jiran Tetangga Wanita*

Peranan Jiran Tetangga Wanita adalah seperti berikut :-

- a. Merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan khusus bagi wanita serta meramaikan penglibatan wanita di dalam aktiviti Rukun Tetangga
- b. Membantu Jawatankuasa Rukun Tetangga melaksanakan aktiviti-aktiviti kejrangan untuk memastikan semangat kejrangan di kalangan penduduk tempatan tidak terjejas.
- c. Mengadakan projek yang boleh mengukuhkan dana Rukun Tetangga untuk membiayai aktiviti-aktiviti Jiran Tetangga wanita
- d. Menangani masalah-masalah sosial di Kawasan Rukun Tetangga seperti penagih dadah, aktiviti jenayah di kalangan remaja, masalah ibu tunggal dan seumpamanya.
- e. Membantu menyebarkan dasar-dasar kerajaan dan projek-projek kerajaan kepada penduduk tempatan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional**  
**Jabatan Perdana Menteri**

Aras 7-10, Block E2, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62502 PUTRAJAYA

☎ 603 8883 7000 (GL) ☎ 603 8888 8584

[www.jomin.gov.my](http://www.jomin.gov.my)



Jabatan Perpaduan Negara  
Dan Integrasi Nasional  
Jabatan Perdana Menteri

# RUKUN TETANGGA

